

## Pemandu van sekolah disyaki penagih dadah

Posted on January 7, 2015, Wednesday

*Tiga ditahan dalam satu serbuan ke atas sebuah rumah di Kampung Masaan, Siburan*



PENAGIH DADAH: Suspek yang ditahan dalam serbuan tersebut.

PADAWAN: Pemandu van sekolah merupakan antara suspek yang ditahan kerana disyaki penagih dadah dalam satu serbuan ke atas sebuah rumah di Kampung Masaan, Siburan di sini, kelmarin.

Dalam serbuan sekitar jam 10.30 pagi Isnin lepas, anggota daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padawan telah menahan tiga lelaki tempatan berusia 17,22 dan 25 tahun.

Ketiga-tiga suspek yang berasal dari Siburan itu semasa diperiksa didapati positif dadah.

"Seorang daripada suspek bekerja sebagai pemandu van sekolah manakala dua lagi penganggur dan kesemua suspek tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

"Semasa pemeriksaan dilakukan ke atas rumah berkenaan, polis telah merampas dua peket plastik lutsinar berisi ketulan kristal disyaki mengandungi dadah jenis Methamphetamine," kata jurucakap polis.

Serbuan tersebut diketuai Inspektor Muning Jakung dan dijalankan hasil maklumat daripada orang awam.

Kesemua suspek kini ditahan di lokap Balai Polis Siburan sementara menunggu untuk dihadapkan ke mahkamah untuk mendapatkan perintah reman.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih lima tahun, denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-dua sekali.

Polis selain itu turut menyeru kepada orang ramai agar menyalurkan maklumat berhubung aktiviti pengedaran dadah dengan menghubungi terus pejabat JSJN IPD Padawan di talian 082-862640.